

SOALAN NO. 315

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan terdapat berapa buah Taska OKU Autisme di seluruh negara:-

- (a) kos pembinaan dan penyelenggaraan untuk sebuah taska ini; dan
- (b) berapakah sumbangan tahunan kepada Taska OKU Autisme swasta dan setakat ini, terdapat berapa orang pesakit Autisme yang telah daftar dengan Kementerian.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyokong perkembangan kanak-kanak OKU dengan menubuhkan TASKA OKU. Pada masa ini, terdapat hanya sebuah TASKA OKU Autisme iaitu TASKA OKU Autisme Sibu, Sarawak yang dikendalikan oleh Persatuan Autisme Sibu.

- a) Tiada kos pembinaan bagi TASKA OKU Autisme kerana ia adalah beroperasi di premis yang disewa. Walau bagaimanapun, JKM telah meluluskan Geran Pelancaran berjumlah RM350,000 bagi penubuhan TASKA ini.
- b) JKM telah meluluskan Geran Operasi berjumlah RM150,000 setahun kepada TASKA OKU Autisme bagi menampung kos sewa, gaji pengasuh, makan dan minum kanak-kanak serta aktiviti TASKA.

Berdasarkan Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) di bawah kendalian JKM, bilangan OKU Autisme yang berdaftar sehingga 8 Mei 2015 adalah seramai 11,201 orang.